

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PRA-PELANCARAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA 2023

BANDAR UTAMA, 13 SEPTEMBER 2023 - Yang Berbahagia Dato' Rohaizi bin Bahari, Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup hari ini telah menyempurnakan Majlis Pra-Pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia 2023 bertempat di Sri Pentas Bandar Utama, Selangor.

2. Pelaksanaan Kempen Beli Barang Malaysia 2023 akan mengetengahkan beberapa inisiatif strategik yang mana akan membantu melonjakkan ekonomi domestik, meluaskan pasaran produk tempatan, di samping membantu penerimaan rakyat terhadap barangan Malaysia.
3. Antara inisiatif yang dirancang termasuklah Pemerkasaan Produk Tempatan Di Dalam Industri Peruncitan Tempatan dan Platform Dalam Talian, Karnival Barangan Malaysia, Jelajah Mini Karnival Barangan Malaysia, Jualan Bertema Berdasarkan Segmen Khusus dan juga Kolaborasi Strategik Media Animasi Digital.
4. Kementerian juga telah menjalankan kerjasama strategik bersama 16 syarikat peruncitan tempatan terkemuka negara dan juga 3 platform dalam talian bagi memastikan produk tempatan terus diperkasa menerusi syarikat-syarikat terbabit.
5. Selain itu, Kementerian juga turut menjalankan kolaborasi strategik bersama syarikat Animonsta dan juga syarikat Warnakala bagi mempromosikan KBBM ini menerusi watak animasi Papa Pipi dan Didi & Friends.

6. Bagi pelaksanaan Jualan Bertema Berdasarkan Segmen Khusus, kerjasama bersama Malaysia Bumiputera Designer Association (MBDA) dan juga Perbadanan Kraftangan Malaysia telah dijalankan dalam mengangkat produk Malaysia menerusi segmen fesyen dan kraftangan.
7. Menerusi pelaksanaan inisiatif strategik ini diharap dapat menjadikan pemangkin dalam merancakkan kembali pembelian barang buatan Malaysia di samping mengimbangi cabaran dan tekanan globalisasi ekonomi semasa khususnya untuk merangsang pertumbuhan ekonomi domestik melalui peningkatan pembelian dan penggunaan produk atau perkhidmatan tempatan.
8. **KPDN** ingin menyeru rakyat Malaysia untuk “**Jom Sokong dan Beli**” dan menyarankan pengguna supaya dapat membuat pilihan yang lebih tepat dengan **membeli serta memilih barang Malaysia yang sememangnya berkualiti dan setanding dengan produk luar**.
9. **KPDN** berharap agar rakyat **Malaysia MADANI** dapat turun beramai-ramai ke setiap lokasi **Jelajah Mini Karnival Barang Malaysia 2023** termasuk acara kemuncak **Karnival Barang Malaysia 2023** bagi memeriahkan lagi Karnival disamping menyokong produk-produk usahawan tempatan dan secara tidak langsung dapat memulihkan kembali ekonomi negara.

“Jom Sokong dan Beli” Barang Malaysia “Barang Baik, Barang Kita”

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP,
BANDAR UTAMA, SELANGOR, 13 SEPTEMBER 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia

